

18 MAR 1996

Mahathir-Bahasa

USAH JADIKAN RISALAH KRISTIAN DALAM BAHASA KEBANGSAAN ISU POLITIK

SUNGAI PETANI, 18 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir hari ini menasihati umat Islam supaya tidak menjadikan penggunaan Bahasa Kebangsaan dalam risalah agama Kristian sebaga isu politik.

"Saya kluatir akan ada orang jadikan isu, kenapa orang Kristian keluarkan risalah dalam Bahasa Kebangsaan... menjadikannya isu sehingga memburukkan hubungan antara orang Islam dengan orang bukan Islam," katanya ketika berucap pada pelancaran program "Gerak Mesra" peringkat negeri Kedah, di Institut Kemahiran Mara, di sini.

Kira-kira 5,000 orang menghadiri majlis, yang pertama bagi peringkat negeri, yang dianjurkan oleh Kementerian Penerangan.

Adalah difahamkan risalah itu diedarkan kepada orang ramai di Kuala Lumpur baru-baru ini.

Perdana Menteri berkata, umat Islam tidak perlu bimbang dengan tindakan penggunaan Bahasa Kebangsaan itu dan membesar-besarkan perkara itu.

Katanya, risalah itu dikeluarkan dengan tujuan memberi penerangan kepada orang bukan Kristian yang ingin mendalami pengetahuan mereka tentang perkara itu.

"Kita orang Islam tak payah belajar, tak payah ambil berat tentang itu. Yang dia nak keluarkan itu soal dia...bukan soal kita," katanya.

"Saya akui bahawa Bahasa Kebangsaan berasal dari Bahasa Melayu dan kini dijadikan Bahasa Kebangsaan.

"Tetapi apabila kita jadikan ia Bahasa Kebangsaan, maka berhaklah orang lain mempelajari dan menggunakannya...untuk diri mereka bukannya untuk kita."

Dr Mahathir berkata bahawa risalah itu mungkin ditulis untuk bangsa lain seperti Cina dan Iban memandangkan anak-anak mereka kini lebih fasih bertutur dalam Bahasa Kebangsaan daripada bahasa ibunda mereka sendiri.

Katanya, tindakan menggunakan Bahasa Kebangsaan dalam risalah itu tidak akan meluntur akidah sekiranya iman seseorang umat Islam itu kuat.

Beliau memberikan contoh ayahnya yang menuntut di sekolah Inggeris walaupun masyarakat Melayu ketika itu beranggapan kononnya seseorang itu akan menjadi Kristian jika belajar Bahasa Inggeris.

"Bapa saya adalah antara budak Melayu yang pergi mengaji di sekolah Inggeris St Xavier di Pulau Pinang. Belajar Bahasa Inggeris tak jadi Kristian pun.

"Dia belajar untuk dapat banyak ilmu dan naik taraf menjadi guru Bahasa Inggeris. Dia datang ke Alor Setar buka sekolah Inggeris dan ramai orang Melayu belajar Bahasa Inggeris...tak jadi Kristian."

Dr Mahathir berkata jika benar mempelajari bahasa itu (Inggeris) akan membuat seseorang itu terpesong daripada agamanya, tentu perkara itu berlaku kepada ayahnya.

Perdana Menteri berkata beliau sendiri boleh berbahasa Inggeris tetapi tidak membaca buku agama Kristian.

"Kalau saya baca pun untuk tengok setakat mana ia berbeza dengan agama Islam selepas saya belajar lebih mendalam berkenaan agama Islam," katanya.

Beliau berkata adalah tidak salah jika Bahasa Kebangsaan digunakan dalam risalah sedemikian dan orang Melayu harus menerimanya dengan fikiran terbuka.

"Jangan kita timbulkan perkara ini untuk dijadikan isu politik sehingga hubungan antara kaum dan agama menjadi buruk di negara ini," katanya. --

BERNAMA

MFJ NMO